

LAPORAN TAHUNAN

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2018



www.asnb.com.my



NOTIS PENTING

Mulai April 2018, penghantaran penyata pengagihan pendapatan, laporan tahunan dan/atau laporan interim bagi kesemua tabung unit amanah ASNB adalah secara elektronik kepada semua pemegang unit. Penyata pengagihan pendapatan akan dihantar ke alamat e-mel yang berdaftar, manakala laporan tahunan dan/atau laporan interim boleh diakses melalui laman web ASNB www.asnb.com.my.

Pemegang unit/penjaga berdaftar boleh membuat permohonan untuk mendapatkan Penyata Pengagihan Pendapatan secara fizikal dengan menghadirkan diri ke cawangan ASNB atau ejen ASNB di seluruh negara atau dengan melaksanakan cetakan layan diri melalui ASNB Portal.

Bagi pemegang unit yang telah memaklumkan kepada pihak ASNB secara bertulis untuk menerima penyata pengagihan pendapatan, laporan tahunan dan/atau laporan interim secara fizikal, penghantaran penyata pengagihan pendapatan, laporan tahunan dan/atau laporan interim akan di buat melalui pos kepada alamat pemegang unit berdaftar.

Pemegang unit/penjaga berdaftar juga boleh membatalkan persetujuan yang telah dibuat bagi penerimaan penyata pengagihan pendapatan, laporan tahunan dan/atau laporan interim secara elektronik pada bila-bila masa dengan memaklumkan kepada ASNB secara bertulis.

Terima Kasih.

***Untuk keterangan lanjut sila hubungi
Jabatan Pengurusan Ejen dan Perhubungan Pelanggan
Di talian 03-2057 3000 atau emel ke asnb@pnb.com.my***

ISI KANDUNGAN		
Bil.	Tajuk	Muka surat
I.	Maklumat Tabung	2
II.	Prestasi Tabung	3
III.	Laporan Pengurus	9
IV.	Penyata Pengurus	16
V.	Penyataan Pemegang Amanah	17
VI.	Laporan Juruaudit Bebas	18
VII.	Penyata Kewangan	
	A. Penyata Untung atau Rugi	22
	B. Penyata Pendapatan Komprehensif	23
	C. Penyata Aliran Tunai	24
	D. Nota-nota Berkenaan Penyata Kewangan	25
VIII.	Alamat Cawangan ASNB	37

LAPORAN PENGURUS AMANAH SAHAM MALAYSIA (ASM)



Pemegang-pemegang unit Amanah Saham Malaysia (ASM) yang dihormati,

AmanahRaya Trustees Berhad (ART) selaku Pemegang Amanah dan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) selaku Pengurus ASM dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan ASM bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2018.

I. MAKLUMAT TABUNG

A. KATEGORI/ JENIS TABUNG

Nama Tabung	Kategori ¹	Jenis Tabung
Amanah Saham Malaysia	Ekuiti	Pendapatan

Nota:

1. Berkuatkuasa 1 Mei 2018, kategori tabung ASM dipinda dari Ekuiti kepada Aset Campuran.

B. OBJEKTIF PELABURAN TABUNG

Objektif pelaburan ASM adalah untuk memberi peluang kepada pemegang-pemegang unit membuat pelaburan jangka panjang untuk menjana pulangan yang kompetatif dan berterusan menerusi pelaburan dalam portfolio yang dipelbagaikan.

C. PENANDA ARAS TABUNG

ASM yang diurusniagakan pada kadar harga tetap menggunakan penanda aras Kadar Antara Bank Kuala Lumpur Ditawarkan 3-bulan ("KLIBOR 3-bulan") bagi tujuan perbandingan prestasinya.

(sumber: www.bondinfo.bnm.gov.my)

Nota:

- Berkuatkuasa 1 Mei 2018, penanda aras ASM dipinda kepada kadar deposit tetap 12-Bulan Maybank (sumber: www.maybank2u.com.my)

D. POLISI PENGAGIHAN PENDAPATAN

ASM akan mengagihkan perolehan daripada pendapatannya, jika ada, tertakluk kepada budi bicara pihak pengurusan dan kelulusan daripada pemegang amanah.

E. PEGANGAN UNIT

Pada 31 Mac 2018, seramai **541,107** individu telah menyertai ASM. Saiz pegangan unit adalah seperti berikut:

Saiz Pegangan	Bilangan Pemegang Unit		Bilangan Unit Dilanggan	
	Bilangan	%	Unit	%
5,000 dan ke bawah	220,804	40.82	290,343,863	1.58
5,001 hingga 10,000	47,684	8.81	353,147,807	1.92
10,001 hingga 50,000	177,942	32.88	4,594,189,328	25.03
50,001 hingga 500,000	92,610	17.11	11,341,185,896	61.78
500,001 dan ke atas	2,067	0.38	1,778,725,030	9.69
JUMLAH	541,107	100.00	18,357,591,924	100.00

II. PRESTASI TABUNG

A. PERUMPUKAN ASET

- i. Perumpukan Aset bagi ASM Mengikut Sektor Pada Nilai Pasaran Berdasarkan Nilai Aset Bersih Tabung (NAB):

Sektor	Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac (%)		
	2018	2017	2016
Pembinaan	2.96	4.06	3.89
Barangan Pengguna	3.88	4.59	5.24
Kewangan	19.60	19.45	21.70
Barangan Industri	4.93	3.92	3.21
Syarikat Projek Infrastruktur	2.41	2.00	3.76
Perladangan	8.87	4.00	4.18
Hartanah	4.24	4.37	2.70
Perdagangan/Perkhidmatan	26.78	31.55	26.84
Lain-lain Sektor	1.51	0.94	1.60
Jumlah Pelaburan Ekuiti Disebut Harga	75.18	74.88	73.12
Pelaburan di dalam unit amanah tidak disebut harga	0.44	0.45	0.44
Pelaburan di Pasaran Saham dan Unit Amanah	75.62	75.33	73.56
Pelaburan di Pasaran Wang dan Lain-lain Aset Bersih	24.38	24.67	26.44
JUMLAH	100.00	100.00	100.00

ii. Pelaburan Disebut Harga Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2018:

Syarikat	Kos sebagai peratusan atas NAB pada Kos (%)	Nilai Pasaran sebagai Peratusan atas NAB pada Nilai Pasaran (%)
Pembinaan		
Gamuda Berhad	1.15	1.24
Hock Seng Lee Berhad	0.16	0.13
IJM Corporation Berhad	1.65	1.39
Mitrajaya Holdings Berhad	0.15	0.07
Sunway Construction Group Berhad	0.01	0.01
WCT Holdings Berhad	0.22	0.12
Barangan Pengguna		
Dutch Lady Milk Industries Berhad	0.70	0.88
Fraser & Neave Holdings Berhad	0.35	0.55
MSM Malaysia Holdings Berhad	0.20	0.16
Nestle (Malaysia) Berhad	0.10	0.21
PPB Group Berhad	0.68	0.79
QL Resources Berhad	_*	_*
UMW Holdings Berhad	1.77	1.29
* Peratusan kurang daripada 0.01%		
Kewangan		
AmBank Berhad	1.36	0.80
BIMB Holdings Berhad	0.55	0.54
Bursa Malaysia Berhad	0.38	0.42
CIMB Group Holdings Berhad	4.08	4.24
Hong Leong Bank Berhad	0.08	0.10
Malayan Banking Berhad	10.20	12.24
RHB Bank Berhad	1.27	1.26
Barangan Industri		
Kossan Rubber Industries Berhad	0.10	0.10
Lafarge Malaysia Berhad	0.57	0.27
Lotte Chemical Titan Holding Berhad	0.21	0.20
Petronas Chemicals Group Berhad	1.60	1.85
Petronas Gas Berhad	2.87	2.51

ii. Pelaburan Disebut Harga Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2018 (samb.):

Syarikat	Kos sebagai peratusan atas NAB pada Kos (%)	Nilai Pasaran sebagai Peratusan atas NAB pada Nilai Pasaran (%)
Infrastruktur		
Digi.Com Berhad	1.42	1.45
Lingkar Trans Kota Holdings Berhad	0.39	0.40
Time dotCom Berhad	0.24	0.23
YTL Power International Berhad	0.58	0.33
Perladangan		
Hap Seng Plantations Holding Berhad	0.09	0.08
IOI Corporation Berhad	2.37	2.56
Kuala Lumpur Kepong Berhad	1.32	1.41
Sime Darby Plantation Berhad	3.31	3.38
United Plantations Berhad	1.33	1.44
Hartanah		
Eco World Development Group Berhad	0.09	0.06
Eco World International Berhad	0.03	0.03
IOI Properties Group Berhad	0.43	0.35
Mah Sing Group Berhad	0.51	0.33
Matrix Concepts Holdings Berhad	0.03	0.03
Sime Darby Property Berhad	0.88	0.86
S P Setia Berhad	2.55	2.45
UOA Development Berhad	0.14	0.13
Teknologi		
Globetronics Technology Berhad	0.04	0.03
Unisem (Malaysia) Berhad	0.08	0.05
Perdagangan/Perkhidmatan		
Airasia Berhad	0.21	0.20
Amway (Malaysia) Holdings Berhad	0.32	0.34
Astro Malaysia Holdings Berhad	0.80	0.57
Axiata Group Berhad	4.23	4.04
Bermaz Auto Berhad	0.44	0.44
Bintulu Port Holdings Berhad	0.17	0.18
Bumi Armada Berhad	0.28	0.19
Dialog Group Berhad	0.09	0.15

Syarikat	Kos sebagai peratusan atas NAB pada Kos (%)	Nilai Pasaran sebagai Peratusan atas NAB pada Nilai Pasaran (%)
Perdagangan/Perkhidmatan (samb.)		
Gas Malaysia Berhad	0.08	0.09
IHH Healthcare Berhad	1.39	1.44
KPJ Healthcare Berhad	0.56	0.49
Malakoff Berhad	0.58	0.34
Malaysia Airports Holdings Berhad	0.03	0.05
Maxis Berhad	0.65	0.63
Media Prima Berhad	0.24	0.05
MISC Berhad	2.40	2.23
MMC Corporation Berhad	0.16	0.11
Petronas Dagangan Berhad	0.88	0.96
Sapura Energy Berhad	1.52	0.28
Serba Dinamik Holdings Berhad	0.11	0.11
Sime Darby Berhad	0.47	0.63
Star Media Group Berhad	0.42	0.17
Sunway Berhad	0.10	0.12
Tenaga Nasional Berhad	8.31	9.61
Telekom Malaysia Berhad	2.53	2.18
UMW Oil & Gas Corporation Berhad	0.61	0.38
Wesports Holdings Berhad	0.86	0.80
REITs		
Axis Real Estate Investment Trust	0.18	0.17
Capitalmalls Malaysia Trust	0.31	0.26
KLCC Property Holdings Berhad	0.75	0.72
MRCB-Quill Real Estate Investment Trust	0.15	0.13
Pavilion Real Estate Investment Trust	0.07	0.07
Sunway Real Estate Investment Trust	0.05	0.08
Jumlah Pelaburan di Pasaran Ekuiti	76.19	75.18
Pelaburan di Pasaran Wang dan Lain-lain Aset Bersih	23.81	24.82
JUMLAH	100.00	100.00

B. MAKLUMAT KEWANGAN

Perbandingan Maklumat Kewangan Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun:

Perbandingan Maklumat Kewangan	Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac		
	2018	2017	2016
Unit dalam Edaran (Juta)	18,357.60	17,320.82	16,297.70
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (%) ¹	1.13	1.17	1.17
Nisbah Pusing Ganti Portfolio (kali) ²	0.38	0.37	0.34

1. Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (NPP) adalah nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan ASM yang dikembalikan dengan purata NAB pada kos ASM untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian. NPP untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2018 adalah tidak ketara.
2. Nisbah Pusing Ganti Portfolio (NPGP) adalah nisbah purata bagi jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan dalam tahun kewangan dengan purata NAB pada kos ASM untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian. NPGP untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2018 adalah tidak ketara.

C. PENGAGIHAN PENDAPATAN

Perbandingan pengagihan pendapatan ASM bagi tempoh 3 tahun:

Pengagihan Pendapatan	Tahun Kewangan berakhir 31 Mac		
	2018	2017	2016
Kadar Pengagihan Pendapatan (sen seunit)	6.25	6.00	6.30
Jumlah Pengagihan Pendapatan (RM Juta)	1,144.59	1,036.84	1,023.03
Tarikh Pembayaran	1 April	1 April	1 April

Pengagihan pendapatan ini dikira berdasarkan jumlah unit minimum bulanan yang dipegang oleh pemegang-pemegang unit dalam tempoh kewangan tersebut.

Sila ambil perhatian bahawa Pengurus tidak menjamin pulangan pelaburan. Pengagihan pendapatan, jika dibayar, mungkin turun atau naik. Prestasi tabung masa lalu tidak semestinya mencerminkan prestasi masa hadapan.

D. PURATA PULANGAN TAHUNAN

Purata pulangan tahunan bagi ASM adalah seperti berikut:

	Pada 31 Mac 2018		
	1 tahun	3 tahun	5 tahun
Jumlah Purata Pulangan (%) ¹	6.25	6.18	6.35
KLIBOR 3-bulan (%) ²	3.69	3.61	3.58

Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd

Nota:

- (a) Pulangan 1 tahun = i_t
Di mana, i = pengagihan pendapatan t = tahun semasa
(b) Pulangan 3 tahun = $[i_t + i_{t-1} + i_{t-2}] / 3$
(c) Pulangan 5 tahun = $[i_t + i_{t-1} + i_{t-2} + i_{t-3} + i_{t-4}] / 5$
- Penanda aras KLIBOR 3-bulan adalah berdasarkan kepada purata kadar pada penghujung tahun kewangan tabung.
- Berkuatkuasa 1 Mei 2018, penanda aras ASM dipinda kepada kadar deposit tetap 12-Bulan Maybank (sumber: www.maybank2u.com.my)

E. PENCAPAIAN OBJEKTIF TABUNG

ASM telah berupaya mencapai objektif pelaburannya dalam menjana pulangan jangka panjang yang kompetitif dan konsisten kepada pemegang unit, untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2018. ASM telah memperolehi pendapatan daripada dividen kasar dari saham disebut harga, keuntungan bersih ternyata daripada jumlah pelaburan, dan lain-lain pendapatan, seperti jadual berikut:

Sumber pendapatan	Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac		
	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)
Dividen kasar daripada saham disebut harga	534.65	453.16	446.38
Keuntungan bersih ternyata daripada jualan pelaburan	620.00	645.15	711.74
Lain-lain pendapatan	218.88	178.82	191.61
Jumlah Pendapatan	1,373.53	1,277.13	1,349.73

F. PERBANDINGAN PRESTASI TABUNG DENGAN PENANDA ARAS

Bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Mac 2018, ASM telah mengagihkan pulangan pendapatan sebanyak 6.25% berbanding dengan 3.69% Kadar Antara Bank Kuala Lumpur Ditawarkan 3-bulan (KLIBOR 3-bulan) yang dicatatkan pada penghujung bulan tersebut. (Sumber: Bank Negara Malaysia, BNM)

	Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac				
	2018	2017	2016	2015	2014
Kadar Pengagihan Pendapatan (%)	6.25	6.00	6.30	6.60	6.60
KLIBOR 3-bulan ¹ (%)	3.69	3.43	3.71	3.73	3.33

Nota:

- Berkuatkuasa 1 Mei 2018, penanda aras ASM dipinda kepada kadar deposit tetap 12-Bulan Maybank (sumber: www.maybank2u.com.my)

G. PERUBAHAN KETARA TERHADAP KEDUDUKAN TABUNG

Sebagai inisiatif untuk mengukuhkan portfolio pelaburan tabung-tabung unit amanah ASNB, PNB telah merangka Rangka Kerja Perumpukan Aset Strategik (*Strategic Asset Allocation Framework*, "SAA"). Mulai 1 Mei 2018, strategi perumpukan aset dan penanda aras tabung akan diselaraskan sejajar dengan kategori Tabung dan strategi pelaburan yang baharu. Walaubagaimanapun, objektif pelaburan dan profil risiko Tabung tidak akan terjejas dengan perubahan ini. Dengan ini, para pelabur juga tidak akan terkesan dengan inisiatif yang dilaksanakan. Sila rujuk kepada Prospektus Induk Tambahan Kedua yang telah didaftarkan ke Suruhanjaya Sekuriti Malaysia pada 1 April 2018.

H. SITUASI YANG MENJEJASKAN KEPENTINGAN PEMEGANG UNIT

ASNB dan ASM tidak mengalami situasi-situasi yang boleh menjejaskan kepentingan pemegang unit.

I. KOMISYEN RINGAN

ASNB dan Pengurus Pelaburan tabung unit amanahnya tidak menerima komisyen ringan daripada broker dan/atau wakil urusniaga yang dikendalikan untuk unit amanah.

III. LAPORAN PENGURUS

A. POLISI PELABURAN

Polisi pelaburan ASM adalah melabur dalam portfolio pelaburan yang dipelbagaikan terutamanya ekuiti yang disenaraikan di Bursa Malaysia, instrumen berpendapatan tetap, instrumen pasaran wang, pelaburan kolektif dan lain-lain instrumen pasaran modal, seperti yang tertakluk dalam Suratikatan ASM. ASM boleh melaburkan 70% - 90% dari nilai tabung (Value of Fund) di dalam ekuiti dan bakinya dalam lain-lain instrumen pasaran modal. Walau bagaimanapun, ASM boleh mengambil strategi defensif mengikut kesesuaian pasaran.

B. STRATEGI PELABURAN SEPANJANG TAHUN KEWANGAN

Strategi pelaburan ASM bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2018 menurut kategori aset adalah seperti berikut:-

i. Ekuiti

ASM telah mengimbangi perumpukan aset antara ekuiti dan sekuriti berpendapatan tetap yang difikirkan wajar berdasarkan keadaan ekonomi dan pasaran modal global dan tempatan. Tumpuan lebih diberikan kepada aset ekuiti berbanding aset sekuriti berpendapatan tetap bagi menjana pulangan yang lebih tinggi dalam bentuk pulangan modal dan juga dividen, selaras dengan risiko pasaran yang diambil.

Pelaburan ASM dalam ekuiti telah ditumpukan kepada sektor-sektor dan saham-saham syarikat yang mempunyai asas yang kukuh dan prospek perniagaan yang cerah serta

disokong oleh permintaan domestik yang tegar dan juga kurang dipengaruhi oleh ketidaktentuan ekonomi global. Sektor kewangan adalah antara sektor yang menjadi tumpuan dalam tempoh tahun kewangan ini, selain daripada sektor utiliti dan perladangan. Pada masa yang sama, pelaburan ekuiti juga memberi penekanan kepada sektor-sektor dan saham-saham yang mempunyai pulangan dividen yang kompetitif dan konsisten seperti sektor kepenggunaan. Pelaburan dalam sektor-sektor dan saham-saham tersebut membolehkan ASM mencapai kadar pulangan yang lebih daripada yang dicatatkan oleh penanda aras.

ii. Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Wang Tunai

ASM telah meningkatkan pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap yang mempunyai perolehan yang bersesuaian dengan risiko kredit setiap terbitan. Antara pembelian sekuriti berpendapatan tetap termasuklah terbitan oleh Imtiaz Sukuk II Berhad, Sarawak Energy Berhad dan Benih Restu Berhad di mana purata kadar hasil adalah lebih daripada 4.71%. Selain itu, purata taraf rating "AA3" bagi sekuriti-sekuriti berpendapatan tetap tersebut adalah lebih tinggi daripada sasaran minimum taraf rating "A".

Selain bon korporat, ASM juga turut melabur di dalam sekuriti kerajaan Malaysia iaitu Malaysian Government Securities (MGS) dan juga Government Investment Issues (GII) yang mempunyai kecairan lebih tinggi berbanding korporat bon di samping menjana keuntungan modal pada purata kadar hasil 4.00%. Pulangan pada kadar ini adalah lebih tinggi berbanding pasaran wang.

C. ULASAN EKONOMI DAN PASARAN SAHAM

Bagi tempoh tahun kewangan berakhir 31 Mac 2018, ekonomi Malaysia telah mencatatkan pertumbuhan yang mampan, iaitu sebanyak 5.9% pada suku keempat 2017 (suku ketiga 2017: 6.2%). Permintaan dalam negeri meningkat 6.2% pada suku keempat 2017 (suku ketiga: 6.6%) disokong oleh peningkatan perbelanjaan sektor swasta sebanyak 7.0% (suku ketiga: 7.2%) dan perbelanjaan sektor awam sebanyak 6.9% (suku ketiga: 3.9%). Manakala, kadar inflasi adalah 3.5% pada suku keempat 2017 (suku ketiga 2017: 3.6%) kesan daripada harga bahan api domestik yang lebih rendah.

Penanda aras utama Bursa Malaysia iaitu Financial Times Bursa Malaysia Kuala Lumpur Composite Index (FBM KLCI) telah mencatatkan peningkatan sebanyak 123.37 mata atau 7.09% untuk ditutup pada paras 1,863.46 mata pada 30 Mac 2018, berbanding 1,740.09 mata yang dicatatkan pada 31 Mac 2017. Bagi tempoh yang sama, FBM KLCI telah mencatatkan paras tertinggi 1,876.87 mata pada 22 Mac 2018, manakala paras terendah 1,713.13 mata telah dicatatkan pada 4 Disember 2017.

Sejajar dengan prestasi positif FBM KLCI, kebanyakan penanda aras sektor dalam pasaran saham Bursa Malaysia mencatatkan peningkatan prestasi berbanding tahun sebelumnya. Sektor perlombongan mencatatkan peningkatan tertinggi, iaitu sebanyak 87.61%, diikuti dengan sektor kewangan sebanyak 16.40% dan sektor kepenggunaan sebanyak 15.33%. Manakala, sektor-sektor yang mencatatkan penurunan prestasi berbanding tahun sebelumnya adalah sektor hartanah (-16.83%) dan pembinaan (-12.07%). Antara saham FBM KLCI yang telah mencatatkan kenaikan yang tinggi dalam

tempoh tinjauan adalah Nestle (Malaysia) Berhad (+94.63%), Press Metal Aluminium Holdings Berhad (+63.02%) dan Hong Leong Bank Berhad (+36.63%). Sementara itu, saham-saham yang telah mencatatkan penurunan yang ketara adalah Astro Malaysia Holdings Berhad (-27.01%), Telekom Malaysia Berhad (-18.69%) dan AMMB Holdings Berhad (-16.34%).

Walaubagaimanapun, di rantau ASEAN, indeks FBM KLCI mencatatkan prestasi kedua terendah berbanding indeks utama serantau walaupun telah mencatatkan peningkatan sebanyak 7.09% dalam tempoh tahun berakhir 31 Mac 2018. Indeks serantau yang lain semuanya mencatatkan kenaikan dalam tempoh yang sama dengan Thailand (SET), Filipina (PCOMP), Singapura (STI) dan Indonesia (JCI) masing-masing telah mencatatkan kenaikan indeks sebanyak 12.77%, 9.14%, 7.96% dan 6.16%. Bagi negara Asia yang lain, indeks Hong Kong (HSI) dan Korea (KOSPI) pula masing-masing mencatatkan kenaikan indeks sebanyak 24.81% dan 14.22%.

Faktor-faktor Mempengaruhi Pertumbuhan Ekonomi

Sepanjang tempoh tahun kewangan berakhir 31 Mac 2018, pasaran saham global telah mencatatkan prestasi positif dipengaruhi oleh pemulihan pertumbuhan ekonomi global yang dapat dilihat daripada peningkatan pendapatan sektor korporat, peningkatan keyakinan pengguna dan kenaikan harga minyak mentah dunia.

Harga minyak mentah mencatatkan kenaikan sebanyak 33.01% daripada USD52.83 setong pada 31 Mac 2017 kepada USD70.27 setong pada 29 Mac 2018, hasil daripada usaha Pertubuhan Negara Pengeksporth Petroleum (OPEC) yang bersetuju untuk melanjutkan pengurangan pengeluaran minyak sehingga Disember 2018 bagi mengatasi lebihan bekalan minyak global.

Ringgit menunjukkan peningkatan berikutan pertumbuhan ekonomi Malaysia yang lebih kukuh melebihi jangkaan. Turut menyumbang kepada peningkatan Ringgit adalah sentimen Dolar Amerika yang semakin lemah akibat ketidakpastian pasaran mengenai dasar ekonomi dan perdagangan Amerika Syarikat (AS). Dalam tempoh tinjauan, Ringgit meningkat sebanyak 12.70% untuk ditutup pada paras RM3.8635/USD pada 30 Mac 2018 daripada paras RM4.4255/USD pada 31 Mac 2017.

Pasaran saham tempatan turut meningkat susulan pelabur asing yang mula melabur kembali. Sentimen positif turut dibantu oleh transformasi syarikat-syarikat di bawah seliaan PNB seperti penstrukturan dan penyenaian semula Sime Darby Berhad kepada tiga entiti berasingan iaitu Sime Darby Berhad, Sime Darby Plantation Berhad dan Sime Darby Property Berhad, yang masing-masing telah mencatatkan kenaikan sebanyak 12.34%, 10.18% dan 18.33% berbanding harga penyenaian pada 30 November 2017.

Pada masa yang sama, pasaran saham global dan tempatan turut dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti ketidakstabilan geopolitik di Korea dan Timur Tengah, ketidakpastian dasar-dasar AS termasuk reformasi cukai di bawah pentadbiran Presiden Trump serta kebimbangan berikutan langkah Rizab Persekutuan AS (Federal Reserve, Fed) menaikkan kadar faedah pada bulan Jun dan Disember 2017.

D. ULASAN PASARAN WANG, SEKURITI BERPENDAPATAN TETAP DAN KADAR FAEDAH

Dalam tahun kewangan berakhir 31 Mac 2018, Jawatankuasa Dasar Kewangan (Monetary Policy Committee, MPC) BNM telah meningkatkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) sebanyak 25 mata asas kepada 3.25% daripada kadar 3.00% pada bulan Januari 2018.

Dengan peningkatan ini, kadar antara bank menjadi lebih tinggi dan Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Interbank Offered Rate, KLIBOR) 3-bulan meningkat daripada 3.44% kepada 3.69% pada Januari 2018 dan kekal sehingga berakhir tahun kewangan Mac 2018. Pelarasan OPR ini bertujuan untuk memastikan ekonomi negara terus berada pada landasan pertumbuhan yang kukuh, inflasi yang stabil serta disokong oleh pengantaraan kewangan yang mantap dalam ekonomi.

Trend kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) bagaimanapun menurun pada tahun kewangan berakhir Mac 2018, berikutan peningkatan pelaburan asing dan juga pengukuhan Ringgit. Pelabur asing meningkatkan pegangan MGS kepada 45.60% pada Mac 2018 daripada 38.50% pada Mac 2017, peningkatan sebanyak 7.1 mata peratusan. Ini berikutan nilai Ringgit yang telah mengukuh berbanding US Dollar sebanyak 12.70% , iaitu dari MYR4.4255/Dollar pada Mac 2017 kepada MYR3.8635/Dollar pada Mac 2018.

Pengukuhan Ringgit adalah disebabkan fundamental ekonomi yang semakin baik didorong oleh permintaan luar yang tinggi dan juga kenaikan harga minyak. Kesannya, kadar hasil MGS 3 tahun, 5 tahun dan 10 tahun masing-masing telah menurun sebanyak 8, 27 dan 19 mata asas sepanjang tahun kewangan 2018. Dalam pasaran bon korporat, perubahan kadar hasil secara relatifnya adalah terkawal disebabkan pegangan bon korporat yang rendah dan stabil oleh pelabur asing serta permintaan berterusan oleh pelabur domestik.

E. PROSPEK EKONOMI DAN PASARAN SAHAM

Tabung Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund, IMF) melalui Prospek Ekonomi Dunia (World Economic Outlook, WEO) terbitan Januari 2018, telah mengunjurkan pertumbuhan ekonomi global pada kadar 3.9% untuk tahun 2018 (2017:+3.7%).

IMF turut mengunjurkan kadar pertumbuhan ekonomi negara-negara maju bagi tahun 2018 adalah sebanyak 2.5% (2017:+2.3%). AS masih merupakan pemacu utama dengan unjuran pertumbuhan sebanyak +2.9% (2017:+2.3%), diikuti dengan Eropah sebanyak +2.4% (2017:+2.3%) dan Jepun pada kadar +1.2% (2017:+1.7%).

Bagi negara-negara membangun pula, IMF mengunjurkan pertumbuhan ekonomi pada kadar 4.9% bagi tahun 2018 yang meningkat berbanding dengan kadar 4.8% pada tahun 2017. Ini didorong oleh perkembangan ekonomi yang masih mampan di mana ekonomi India dijangka mencatat pertumbuhan (+7.4%), China (+6.6%) dan negara-negara ASEAN (+5.3%) bagi tahun 2018. Kerajaan China dijangka akan mengekalkan

polisi-polisi yang bertujuan untuk menaikkan kadar pertumbuhan ekonomi dua kali ganda dalam tahun 2010-2020.

Perkembangan ekonomi AS dijangka akan terus disokong oleh permintaan dalam negeri yang mapan dengan pasaran buruh yang sihat. Kerajaan AS juga dijangka akan melaksanakan polisi-polisi seperti potongan cukai korporat dan cukai pendapatan, pertambahan perbelanjaan projek infrastruktur, pengenalan tarif pada pengeluaran produk AS di luar negara dan perlindungan perdagangan bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi AS.

Namun demikian, masih terdapat risiko pertumbuhan ekonomi global menjadi lebih perlahan. Risiko ini termasuklah ketidakpastian mengenai masa, kadar kecepatan dan magnitud yang akan diambil oleh negara-negara maju untuk mengembalikan dasar monetari ke paras yang lebih wajar, dasar perlindungan perdagangan, ketidakpastian mengenai perkembangan politik di Eropah dan perkembangan geopolitik di Timur Tengah dan US dengan Korea Utara serta China.

Pada 10 Mei 2018, Malaysia telah menyaksikan pertukaran tampuk kepimpinan negara yang baru. Dalam jangka masa pendek perubahan politik ini dijangka akan memberi impak terhadap suasana pasaran akibat ketidakpastian fasa transisi ini. Walaubagaimanapun, keadaan dijangka akan kembali stabil dalam jangka masa sederhana setelah polisi-polisi baru kerajaan dibentangkan dengan lebih jelas dan nyata. Meskipun para pelabur telah memberi reaksi positif ke atas penubuhan Majlis Penasihat Kerajaan khusus sebagai penasihat hal-ehwal ekonomi dan kewangan negara, polisi-polisi baru yang akan dibentangkan oleh majlis ini menentukan hala tuju negara selepas ini.

Melangkah ke hadapan, BNM mengunjurkan ekonomi Malaysia berkembang di antara 5.5% hingga 6.0% bagi tahun 2018 (2017: 5.9%) didorong oleh permintaan dalam negeri. Semua sektor dijangka mencatat pertumbuhan positif pada 2018, dengan sektor perkhidmatan yang merupakan sektor terbesar diunjurkan berkembang 6.1%. Perbelanjaan sektor swasta terus menjadi pamacu utama pertumbuhan dengan pelaburan dan penggunaan swasta dijangka berkembang sebanyak 9.1% dan 7.2%. Eksport dijangka berkembang 8.8% pada tahun 2018, disokong oleh perdagangan global yang lebih baik daripada perkembangan ekonomi negara-negara maju. Selaras dengan usaha kerajaan untuk mengurangkan defisit fiskal, ianya dijangka akan terus berkurang kepada 2.8% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2018 (2017: 3.0%).

Untuk tahun 2018, pasaran saham tempatan dijangka positif, disokong oleh data ekonomi, asas fundamental dan nilai matawang yang kukuh. Namun, ianya akan dipengaruhi oleh faktor-faktor dalaman terutamanya peralihan kerajaan Malaysia dan faktor-faktor luaran seperti jangkaan kenaikan kadar faedah di AS, risiko geopolitik yang meningkat di Timur Tengah dan Eropah dan ketidakpastian dasar dalam ekonomi utama dunia. Nilai Ringgit dijangka bertambah kukuh dan peningkatan pendapatan korporat dijangka mampu meningkatkan pasaran saham tempatan. Nilai Ringgit dijangka kembali kukuh sewajarnya pada kadar sekitar RM3.82/USD untuk tahun 2018. Buat masa ini, kenaikan kadar faedah AS dianggarkan sebanyak 3 kali untuk tahun 2018.

Harga minyak mentah dijangka akan berada pada paras USD67 setong untuk tahun 2018 disebabkan oleh penurunan inventori dengan pengurangan pengeluaran oleh negara-negara Pertubuhan Negara Pengeksport Petroleum (OPEC) dan hubungan tegang di antara AS dan Iran. Sebarang kenaikan harga minyak mentah memberi impak positif pada Bajet Kerajaan memandangkan Bajet 2018 telah dibuat berasaskan harga minyak mentah USD52 setong.

BNM dijangka tidak akan mengubah kadar dasar semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) yang sekarang berada pada kadar 3.25% berasaskan pertumbuhan ekonomi Malaysia yang stabil. Sementara itu, kadar hasil MGS akan dipengaruhi oleh kenaikan kadar faedah di AS. Kadar inflasi dijangka berada di dalam lingkungan antara 2.5% sehingga 3.5% untuk tahun 2018.

Sokongan terhadap pasaran bon tempatan dijangka berterusan memandangkan ekonomi berada di landasan yang stabil. Ianya akan turut didokong oleh penambahan pelaburan asing berikutan prospek positif ekonomi Malaysia. Pasaran bon korporat Malaysia dijangka menyaksikan tawaran terbitan baru terutama dari sektor kewangan dan korporat syarikat berkaitan kerajaan (Government Linked Companies, GLC). Penerbit korporat yang berpotensi dijangka meneroka pasaran diwaktu kadar OPR masih rendah dan sentimen positif ekonomi tempatan.

F. STRATEGI PELABURAN PADA MASA HADAPAN

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2019, strategi pelaburan akan dilaksanakan dengan perumpukan aset yang lebih bertumpu kepada ekuiti berbanding tunai agar pulangan kekal kompetitif berbanding penanda aras. Walau bagaimanapun, perumpukan aset ekuiti akan dilakukan secara aktif dan selektif kerana pengurusan Tabung ASM menjangkakan pasaran saham masih dibelenggu ketidaktentuan halatujuk berikutan perang perdagangan antara AS dan China, kemungkinan kenaikan kadar faedah di AS dan Malaysia serta kenaikan harga minyak global.

i. Ekuiti

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2019, pelaburan ekuiti Tabung ASM akan dilakukan secara selektif dalam saham-saham syarikat yang diniagakan di bawah harga wajar yang mempunyai fundamental yang kukuh berdasarkan prospek ekonomi dan juga menepati tema pelaburan semasa. Pengurus dana juga akan meneliti saham-saham yang akan mendapat manfaat dari polisi-polisi baru yang akan diperkenalkan oleh kerajaan baru. Pengurus Tabung ASM juga akan sentiasa mengambil peluang untuk mengaut keuntungan daripada aktiviti jual beli saham dalam keadaan pasaran saham yang turun naik.

Sektor utiliti turut menjadi tumpuan, dan dijangka mencatat peningkatan didorong oleh fundamental yang stabil serta pembayaran dividen yang lebih tinggi daripada tahun-tahun lepas. Di samping itu, pelaksanaan Peraturan Berdasarkan Insentif (Incentive Based Regulation) oleh Suruhanjaya Tenaga bakal memberikan manfaat bukan sahaja kepada keuntungan syarikat utiliti malah meningkatkan kualiti servis yang diterima oleh pengguna.

Pengurus Tabung ASM juga akan sentiasa mengambil peluang untuk mengaut keuntungan daripada aktiviti jual beli saham dalam keadaan pasaran saham yang turun naik.

ii. Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Wang Tunai

Untuk mempelbagaikan aset di dalam portfolio, pengurus Tabung ASM akan terus melabur di dalam sekuriti berpendapatan tetap dan pasaran wang. Pelaburan pasaran wang, di samping memberi pulangan dalam portfolio, juga dapat menyediakan mudah tunai untuk operasi harian.

Pemilihan instrumen bagi pelaburan sekuriti berpendapatan tetap, sama ada bon korporat atau sekuriti terbitan kerajaan, mengambil kira faktor-faktor seperti perolehan, kecairan dan tempoh matang instrumen tersebut, sejajar dengan risiko yang ditanggung oleh ASM. Ekonomi global dijangka akan berkembang pada kadar ketumbuhan yang lebih pantas pada tahun 2018 dan menyebabkan kadar faedah global meningkat juga. Namun, kenaikan kadar faedah tidak akan memberi impak ketara kepada portfolio sekuriti berpendapatan tetap yang sedia ada, malahan akan memberi peluang kepada pengurus untuk menambah pelaburan pada kadar hasil yang lebih menarik. Pelaburan dalam pasaran wang dan sekuriti berpendapatan tetap dapat mengimbangi secara efektif keseluruhan risiko dan pulangan dalam portfolio.

IV. PENYATA PENGURUS

Kepada Pemegang-Pemegang Unit

AMANAH SAHAM MALAYSIA

Kami, sebagai Pengarah kepada AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD, iaitu Pengurus kepada AMANAH SAHAM MALAYSIA ("Unit Amanah"), dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Pengurus, penyata kewangan bagi Unit Amanah pada tahun kewangan berakhir 31 Mac 2018, berserta dengan nota-nota yang dikepilkan padanya telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia, yang telah diubahsuai mengikut preskripsi khusus yang telah diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti berkenaan di Malaysia, setelah mengambilkira pengecualian yang telah diberikan kepada AMANAH SAHAM MALAYSIA bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 31 Mac 2018, dan keputusan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD selaku Pengurus kepada AMANAH SAHAM MALAYSIA, menurut resolusi para Pengarah bertarikh 18 Mei 2018.

TAN SRI ABDUL WAHID BIN OMAR

Pengerusi

DATO' ABDUL RAHMAN BIN AHMAD

Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia

18 Mei 2018

**V. PENYATAAN PEMEGANG AMANAH
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2018**

Kepada Pemegang-Pemegang Unit
AMANAH SAHAM MALAYSIA

Kami, AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD telah bertindak selaku Pemegang Amanah kepada AMANAH SAHAM MALAYSIA bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2018. Pada pendapat kami, AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD, selaku Pengurus telah melaksanakan dan mengurus AMANAH SAHAM MALAYSIA selaras dengan had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada Pengurus mengikut Suratikatan, undang-undang sekuriti dan Garispanduan Tabung Unit Amanah yang diterimapakai, dengan mengambil kira segala pengecualian yang telah diberikan kepada AMANAH SAHAM MALAYSIA bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2018.

Kami juga berpendapat bahawa:

- (a) Penilaian dan penentuan harga dibuat selaras dengan Suratikatan dan mana-mana kehendak kawalseliaan;
- (b) Penjadian unit dilaksanakan adalah selaras dengan Suratikatan dan lain-lain peruntukan undang-undang berkaitan; dan
- (c) Pengagihan kepada pemegang-pemegang unit AMANAH SAHAM MALAYSIA sepertimana yang diisytiharkan oleh Pengurus adalah sesuai dan selaras dengan objektif pelaburan AMANAH SAHAM MALAYSIA.

Yang benar,
AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD

HABSAH BINTI BAKAR

Ketua Pegawai Eksekutif

Kuala Lumpur, Malaysia
21 Mei 2018

VI. LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT AMANAH SAHAM MALAYSIA ("Unit Amanah")

Laporan penyata kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan AMANAH SAHAM MALAYSIA ("Unit Amanah"), yang mengandungi penyata untung atau rugi pada 31 March 2018, penyata pendapatan komprehensif, dan penyata aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut, dan rumusan dasar-dasar perakaunan dan lain-lain nota keterangan yang dibentangkan pada muka surat 25 hingga 36.

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (Malaysian Financial Reporting Standards - MFRSs) disesuaikan mengikut preskripsi khusus yang telah diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti di Malaysia bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 31 March 2018 dan prestasi kewangannya serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Pendapat

Kami telah menjalankan audit kami menurut piawaian pengauditan berkenaan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut dihuraikan dengan lanjut dalam laporan kami di bawah seksyen "Tanggungjawab Juruaudit untuk pengauditan Penyata Kewangan". Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami.

Tanggungjawab kebebasan dan lain-lain tanggungjawab etika

Kami bebas daripada Unit Amanah selaras dengan Undang-Undang Kecil (atas Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia ("Undang-Undang Kecil") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Akauntan Etika Akauntan Profesional ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi lain-lain tanggungjawab etika mengikut undang-undang kecil dan Kod IESBA.

VI. LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT AMANAH SAHAM MALAYSIA (“Unit Amanah”) (SAMB.)

Maklumat selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya

Pengurus Unit Amanah adalah bertanggungjawab untuk lain-lain maklumat. Lain-lain maklumat tersebut merangkumi maklumat yang terkandung dalam Laporan Tahunan Unit Amanah tetapi tidak termasuk penyata kewangan dan laporan juruaudit yang dilampirkan.

Laporan tahunan ini dijangka tersedia kepada kami selepas tarikh laporan juruaudit ini.

Pendapat kami mengenai penyata kewangan tidak meliputi lain-lain maklumat dan kami tidak akan menyatakan sebarang bentuk jaminan ke atas kesimpulan mengenainya. Sehubungan dengan audit kami terhadap penyata kewangan, tanggungjawab kami adalah untuk mempertimbangkan samada lain-lain maklumat tersebut secara materialnya tidak selaras dengan penyata kewangan atau pengetahuan diperolehi dari audit, atau sebaliknya menunjukkan kesilapan material yang ketara dengan membaca lain-lain maklumat yang dikenal pasti di atas apabila ia tersedia.

Apabila kami membaca laporan tahunan, sekiranya kami mendapati terdapat salah nyata yang ketara di dalamnya, kami perlu menyampaikan perkara itu kepada yang berkaitan dengan tadbir urus dan melaporkan fakta-fakta tersebut mengikut kesesuaian.

Tanggungjawab Pengurus dan Pemegang Amanah terhadap Penyata Kewangan

Pengurus Unit Amanah adalah bertanggungjawab ke atas penyediaan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama berdasarkan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (Malaysian Financial Reporting Standards - MFRSs) dan Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (International Financial Reporting Standards - IFRSs). Pengurus juga bertanggungjawab ke atas kawalan dalaman berkaitan penyediaan dan persembahan yang saksama penyata kewangan, yang bebas dari kesilapan yang material, samada disebabkan kesilapan atau pecah amanah. Pemegang Amanah adalah bertanggungjawab untuk memastikan Pengurus menyimpan rekod perakaunan dan lain-lain rekod yang diperlukan untuk persembahan penyata kewangan yang saksama.

VI. LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT AMANAH SAHAM MALAYSIA ("Unit Amanah") (SAMB.)

Tanggungjawab Juruaudit untuk pengauditan Penyata Kewangan

Dalam menyediakan penyata kewangan Unit Amanah, Pengurus adalah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Unit Amanah untuk meneruskan sebagai usaha berterusan, menyatakan, yang mana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan jika para Pengarah berhasrat untuk membubarkan Unit Amanah atau menamatkan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik selain berbuat demikian.

Objektif kami adalah untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan Unit Amanah secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara jika, secara individu atau dalam agregat, salah nyata ini dijangkakan akan mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menjalankan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional semasa menjalankan audit. Kami juga:

- Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan Unit Amanah, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, reka bentuk dan melaksanakan prosedur audit yang responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada salah nyata akibat kesilapan memandangkan penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan sengaja,
- Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Unit Amanah.

VI. LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT AMANAH SAHAM MALAYSIA ("Unit Amanah") (SAMB.)

- Menilai kesesuaian polisi-polisi perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan berkaitan pendedahan yang dibuat oleh Pengurus.
- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian Pengurus menggunakan asas perakaunan usaha berterusan dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujud ketidakpastian yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh membuang keraguan ketara pada keupayaan Unit Amanah untuk terus sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa wujud ketidakpastian, kami dikehendaki untuk menyatakannya dalam laporan juruaudit kami kepada pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Unit Amanah atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan yang akan berlaku pada masa akan datang boleh menyebabkan Unit Amanah untuk menghentikan terus usaha yang berterusan.
- Menilai pembentangan keseluruhan, struktur dan kandungan penyata kewangan Unit Amanah, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan berdasarkan asas urus niaga asas dan peristiwa dalam cara yang mencapai pembentangan saksama.

Kami berkomunikasi dengan Pengurus mengenai, antara perkara-perkara lain, skop yang dirancang dan masa untuk audit dan penemuan penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa audit kami.

Lain-lain perkara

Laporan ini dibuat semata-mata untuk pemegang Unit Amanah, sebagai sebuah badan, dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain untuk kandungan laporan ini.

Hanafiah Raslan & Mohamad
AF: 0002
Akauntan Bertauliah

Muhammad Syarizal bin Abdul Rahim
No. 03157/01/19(J)
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia
18 Mei 2018

VII. PENYATA KEWANGAN

A. PENYATA UNTUNG ATAU RUGI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2018

	Nota	2018 RM	2017 RM
PENDAPATAN			
Pendapatan faedah		218,882,534	178,824,412
Pendapatan dividen		534,642,212	453,157,537
Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan		620,001,454	645,146,959
		<u>1,373,526,200</u>	<u>1,277,128,908</u>
PERBELANJAAN			
Yuran pengurusan	5	193,011,684	181,388,446
Yuran pemegang amanah	6	578,056	300,000
Ganjaran juruaudit		24,000	22,000
Yuran ejen cukai		3,700	3,500
Perbelanjaan pentadbiran		25,962,659	30,577,598
Rosot nilai dalam pelaburan disebut harga		96,050,000	-
		<u>315,630,099</u>	<u>212,291,544</u>
PENDAPATAN BERSIH SEBELUM CUKAI		1,057,896,101	1,064,837,364
CUKAI	7	-	-
PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI		<u>1,057,896,101</u>	<u>1,064,837,364</u>
Pengagihan pelaburan	8	<u>1,144,588,989</u>	<u>1,036,843,884</u>
Pengagihan kasar dan bersih seunit		<u>6.25 sen</u>	<u>6.00 sen</u>
Tarikh pengagihan		<u>1-Apr-18</u>	<u>1-Apr-17</u>
Pendapatan bersih selepas cukai terdiri daripada berikut:			
Ternyata		1,057,896,101	1,064,837,364
Tidak Ternyata		-	-
		<u>1,057,896,101</u>	<u>1,064,837,364</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini.

VII. PENYATA KEWANGAN

B. PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2018

	Nota	2018 RM	2017 RM
PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI		1,057,896,101	1,064,837,364
Lain-lain pendapatan komprehensif		-	-
JUMLAH PENDAPATAN KOMPREHENSIF UNTUK TAHUN KEWANGAN		<u>1,057,896,101</u>	<u>1,064,837,364</u>
Jumlah pendapatan komprehensif terdiri daripada berikut:			
Ternyata		1,057,896,101	1,064,837,364
Tidak ternyata		-	-
		<u>1,057,896,101</u>	<u>1,064,837,364</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini.

VII. PENYATA KEWANGAN

C. PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2018

	2018 RM	2017 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI DAN PELABURAN		
Perolehan daripada penjualan pelaburan	6,887,414,142	6,262,255,612
Pembelian pelaburan	(7,828,959,066)	(7,217,147,105)
Simpanan dalam deposit dan instrumen kewangan	(1,338,010,817)	(2,092,192,570)
Pengeluaran dari deposit dan instrumen kewangan	2,092,192,570	2,459,225,340
Pendapatan faedah diterima	195,668,490	203,587,050
Pendapatan dividen diterima	510,560,116	447,246,916
Pembayaran yuran pengurusan	(203,585,110)	(191,374,494)
Pembayaran yuran pemegang amanah	(581,822)	(318,000)
Pembayaran lain-lain perbelanjaan	(14,319,643)	(19,591,870)
Tunai bersih dihasilkan/(digunakan) dalam daripada aktiviti operasi dan pelaburan	300,378,860	(148,309,121)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Tunai diterima daripada penjadian unit	1,036,778,000	1,023,115,000
Tunai dibayar untuk pembatalan unit	(1,036,843,884)	(1,023,025,233)
Tunai bersih (digunakan)/dihasilkan daripada aktiviti pembiayaan	(65,884)	89,767
PENINGKATAN/ (PENGURANGAN) BERSIH DALAM TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI		
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN	300,312,976	(148,219,354)
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	1,445,635,421	1,593,854,775
	1,745,948,397	1,445,635,421
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI TERDIRI DARIPADA:		
Tunai di bank	3,000	30,279
Deposit dengan institusi kewangan	3,083,956,214	3,537,797,712
	3,083,959,214	3,537,827,991
Deposit dengan tempoh matang lebih daripada 3 bulan	(1,338,010,817)	(2,092,192,570)
	1,745,948,397	1,445,635,421

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini.

VII. PENYATA KEWANGAN

D. NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN - 31 MAC 2018

1. UNIT AMANAH, PENGURUS DAN KEGIATAN-KEGIATAN UTAMA

AMANAH SAHAM MALAYSIA (berikutnya dirujuk sebagai "Unit Amanah") ditubuhkan selaras dengan pelaksanaan Suratikatan bertarikh 13 April 2000, di antara Pengurus, Amanah Saham Nasional Berhad ("ASNB"), Pemegang Amanah, Amanah Raya Berhad serta Pemegang Unit Berdaftar Unit Amanah.

Kegiatan utama Unit Amanah ialah melabur dalam "Pelaburan Dibenarkan" seperti yang didefinisikan di bawah Klausula 7.1 Suratikatan. "Pelaburan Dibenarkan" termasuk pelaburan jangka pendek dan ekuiti, saham atau debentur syarikat yang disenaraikan di mana-mana bursa saham atau mana-mana syarikat yang disyorkan oleh Pengurus dan dipersetujui oleh Pemegang Amanah. Unit Amanah ini mula beroperasi pada 13 April 2000, dan akan meneruskan operasinya sehingga ditamatkan oleh Pemegang Amanah seperti yang diperuntukkan di bawah Klausula 12.3 Suratikatan.

ASNB adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh Permodalan Nasional Berhad ("PNB"). Kegiatan utama ASNB ialah mengurus unit amanah.

PNB ialah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia. Kegiatan utama Syarikat ialah membeli dan memegang saham untuk meningkatkan hak milik pegangan modal saham oleh masyarakat Bumiputera di dalam sektor korporat di Malaysia. PNB telah dilantik sebagai Pengurus Pelaburan bagi Unit Amanah di bawah Perjanjian Pengurusan Pelaburan bertarikh 2 Mei 2000.

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah ASNB untuk diterbitkan menurut resolusi para Pengarah pada 18 Mei 2018.

2. ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut rangka kerja Perangkaan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia ("MFRS") yang diubahsuai mengikut preskripsi khusus yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan Garispanduan Tabung Amanah Suruhanjaya Sekuriti di Malaysia, kecuali bagi pengecualian tertentu sebagaimana yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti.

2. ASAS PENYEDIAAN (SAMB.)

Suruhanjaya Sekuriti telah mengeluarkan preskripsi khusus di mana Permodalan Nasional Berhad ("PNB") dan unit amanah berharga tetap yang diuruskan oleh PNB dikecualikan daripada tetapi dibenarkan untuk menggunakan pakai MFRS 139 Financial Instruments: Recognition and Measurement ("MFRS 139") dan MFRS 7 Financial Instruments: Disclosures ("MFRS 7"). Berdasarkan preskripsi diberikan, Unit Amanah telah memilih untuk tidak menggunakan pakai MFRS 139 dalam perakaunan bagi instrumen kewangan dan MFRS 7 bagi tujuan pendedahan yang berkaitan dengan instrumen kewangan. Dasar Unit Amanah bagi perakaunan bagi instrumen kewangan dinyatakan dalam Nota 3 (a).

Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut piawaian kos sejarah.

(a) Perubahan dalam polisi perakaunan

Syarikat dengan tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2014 adalah tertakluk kepada MFRSs yang baru dan telah disemak semula tanpa memberi kesan kepada penyata kewangan Amanah.

(b) Piawaian yang diterbitkan tetapi belum berkuatkuasa

Piawaian, Pindaan dan Tafsiran Jawatankuasa Isu-isu ("IC") yang telah diterbitkan oleh Malaysian Accounting Standards Board ("MASB") pada tarikh kelulusan penyata kewangan ini adalah tidak berkaitan dengan Unit Amanah selain daripada yang berikut:

Berkuatkuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2018

MFRS 9 Financial Instruments (IFRS 9 seperti yang dikeluarkan oleh IASB pada Julai 2014)

Pada 24 Julai 2014, International Accounting Standards Boards ("IASB") telah mengeluarkan versi terkini IFRS 9 yang merangkumi tiga fasa projek instrumen kewangan; Classification and measurement, Impairment (Expected credit losses) and Hedge Accounting. Seterusnya, MASB telah mengeluarkan pengumuman pada 17 November 2014 untuk menggunakan sepenuhnya keperluan baru IFRS 9. Memandangkan Unit Amanah telah menggunakan pakai awal versi MFRS 9 yang terdahulu sebelum 31 January 2016, Unit Amanah dibenarkan untuk menggunakan pakai versi MFRS 9 tersebut sehingga tarikh kuatkuasa mandatori IFRS pada 1 Januari 2018. Unit Amanah masih dalam proses mengukur kesan daripada penggunaan versi akhir MFRS 9.

3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

(a) Instrumen Kewangan

Aset dan liabiliti kewangan di dalam penyata kedudukan kewangan, merangkumi sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga, sekuriti modal bercantum, skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan, saham disebut harga, instrumen pasaran kewangan, simpanan dengan institusi kewangan, penghutang dan pemiutang. Dasar-dasar perakaunan atas pengiktirafan dan ukuran bagi perkara-perkara tersebut dinyatakan dalam dasar perakaunan masing-masing.

Instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai aset atau liabiliti berdasarkan butiran perjanjian kontrak. Faedah, manfaat, dividen, keuntungan dan kerugian berkaitan instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai aset, dilaporkan sebagai pendapatan.

(b) Pelaburan

(i) Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Sekuriti Hutang Tidak Disebut Harga dan Sekuriti Modal Bercantum

Pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga dan sekuriti modal bercantum adalah sekuriti yang dibeli dan dipegang untuk pendapatan atau peningkatan nilai dan kebiasaannya dipegang hingga tarikh matang. Pelaburan ini dinyatakan pada kos dan dimana berkenaan, diselaraskan untuk pelunasan premium atau akreasi diskaun, yang dikira daripada tarikh pembelian hingga tarikh matang. Sebarang peruntukan rosot nilai yang kekal akan diiktiraf di dalam untung atau rugi.

(ii) Saham Disebut Harga, Saham Tidak Disebut Harga, Saham Pinjaman/Waran, Pelaburan Amanah Hartanah ("REITs") dan Skim Pelaburan Kolektif Tidak Disebut Harga.

Pelaburan dalam saham disebut harga, pelaburan tidak disebut harga, saham pinjaman/waran, REITs dan skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan dinyatakan pada kos tolak peruntukan rosot nilai yang kekal. Kos ditentukan berdasarkan asas purata wajaran. Sebarang peruntukan rosot nilai yang kekal akan diiktirafkan di dalam Penyata Untung atau Rugi.

3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(b) Pelaburan (samb.)

(iii) Instrumen Pasaran Kewangan

Pelaburan dalam kertas komersial dinyatakan menurut harga kos diselaraskan untuk pelunasan premium atau akreasi diskaun ke atas nilai par pada waktu perolehan, tolak sebarang kerugian rosot nilai yang kekal.

Premium atau diskaun dilunaskan atau diakreasi ke atas baki jangka masa sekuriti dari tarikh perolehan. Sebarang peruntukan rosot nilai yang kekal akan diiktiraf di dalam untung atau rugi.

(iv) Deposit dengan Institusi Kewangan

Deposit dengan institusi kewangan adalah dinyatakan pada kos.

(c) Jumlah Terhutang daripada/(kepada) Broker Saham

Jumlah terhutang daripada/(kepada) broker saham dibawa pada nilai kontrak.

(d) Pendapatan Belum Terima

Pendapatan belum terima dinyatakan pada nilai saksama yang boleh diperolehi.

(e) Pelbagai Pemiutang

Pelbagai pemiutang dinyatakan pada nilai kos iaitu nilai saksama yang akan dibayar di masa hadapan untuk pembelian dan perkhidmatan yang diterima.

(f) Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan dividen kasar daripada pelaburan disebut harga dan sekim pelaburan kolektif tidak tersenarai diambil kira mengikut asas pengisytiharan, apabila hak untuk menerima dividen telah dipastikan.

Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan diambil kira berdasarkan perbezaan di antara pendapatan bersih dengan nilai dibawa oleh pelaburan tersebut.

Keuntungan/pendapatan daripada instrumen pasaran kewangan, simpanan dengan institusi kewangan diambil kira mengikut asas akruan menggunakan kaedah kadar faedah keuntungan efektif.

3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(f) Pengiktirafan Pendapatan (samb.)

Keuntungan daripada penjualan pelaburan ialah perbezaan di antara nilai bersih dan nilai bawaan pelaburan.

(g) Tunai dan Persamaan Tunai

Bagi tujuan Penyata Aliran Tunai, tunai dan persamaan tunai terdiri daripada tunai di bank, simpanan dalam panggilan dan simpanan jangka pendek berkecairan tinggi dimana perubahan dalam nilai mempunyai risiko yang tidak ketara.

4. ANGGARAN DAN PENILAIAN PERAKAUNAN PENTING

(a) Penilaian Kritikal Dibuat dalam Mengaplikasi Polisi Perakaunan

Penilaian dibuat oleh pengurus Pelaburan dalam proses mengaplikasi polisi perakaunan Unit Amanah berkaitan pelaburan adalah seperti berikut:

- (i) Pengurus pelaburan mengenalpasti samada pelaburan-pelaburannya adalah dirosot nilai mengikut beberapa indikasi-indikasi rosot nilai seperti, antara lain, kekurangan yang berpanjangan di antara harga pasaran dan jumlah yang dibawa, perubahan yang penting dengan kesan-kesan negatif terhadap pelaburan dan persembahan kewangan pelaburan merosot.
- (ii) Bergantung kepada asas dan industri yang berkaitan dengan pelaburan tersebut, penilaian dibuat oleh Pengurus Pelaburan untuk memilih cara-cara penilaian yang sesuai seperti, antara lain, aliran tunai yang didiskaunkan, aset nyata bersih, nilai aset ternyata bersih dan cara-cara purata nisbah harga pendapat sektor.

(b) Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Setelah cara penilaian yang sesuai dipilih, Pengurus Pelaburan membuat beberapa andaian berkenaan masa depan bagi menganggar jumlah pelaburan yang boleh dituntut. Andaian ini dan sumber utama ketidakpastian anggaran yang lain pada tarikh penyata aset dan liabiliti, mungkin mengandungi risiko penting yang mengakibatkan perubahan yang material terhadap jumlah pelaburan yang dibawa ke tahun kewangan seterusnya. Bergantung kepada pelaburan-pelaburan tertentu, andaian yang dibuat oleh Pengurus Pelaburan termasuk, antara lain, andaian terhadap aliran tunai masa hadapan yang dijangka, pertumbuhan pendapatan, kadar diskaun yang digunakan bagi tujuan aliran tunai yang didiskaunkan yang mana melibatkan risiko-risiko yang relevan, dan keputusan masa hadapan yang dijangka terhadap beberapa peristiwa lepas.

4. ANGGARAN DAN PENILAIAN PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

Sensitiviti terhadap perubahan dalam andaian

Pengurus Pelaburan percaya bahawa tiada kemungkinan perubahan dalam kunci andaian yang disebutkan di atas yang mana boleh menyebabkan jumlah pelaburan yang di bawa secara materialnya melebihi jumlah yang boleh dituntut.

(c) Penilaian Rosot Nilai

Penilaian rosot nilai pelaburan-pelaburan yang terlibat dengan indikasi-indikasi rosot telah dilaksanakan oleh Pengurus Pelaburan. Pada tahun semasa tiada pengiktirafan rosot nilai pelaburan (2017: tiada).

5. YURAN PENGURUSAN

Klausa 13.1 Suratikatan memperuntukkan bahawa Pengurus berhak menerima yuran tidak melebihi 1% setahun daripada Nilai Aset Bersih ("VOF") boleh agih kepada pemegang-pemegang Unit Amanah, dikira dan diakru secara harian seperti yang dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah.

Yuran pengurusan yang dikenakan bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2018 ialah 1% (2017: 1%) setahun daripada "VOF" Unit Amanah.

6. YURAN PEMEGANG AMANAH

Klausa 13.2 dan Jadual ke Sembilan Suratikatan memperuntukkan bahawa Pemegang Amanah berhak menerima yuran pada kadar yang dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah dari masa ke semasa. Dari 1 April 2017 sehingga 14 Jun 2017, yuran Pemegang Amanah yang dipersetujui adalah RM300,000 setahun. Efektif 15 Jun 2017, yuran Pemegang Amanah ditetapkan kepada RM650,000 setahun (2017: RM300,000).

Yuran Pemegang Amanah yang dikenakan bagi tahun berakhir 31 Mac 2017 ditetapkan pada RM578,056 (2017: RM300,000).

7. CUKAI

Unit Amanah telah diberikan pengecualian daripada cukai pendapatan oleh Menteri Kewangan mengikut bidangkuasa yang diberikan kepadanya di bawah Seksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan, 1967, dari tahun taksiran 2017 hingga 2026.

Disebabkan oleh pengecualian cukai, pendapatan dividen yang diperolehi daripada REITs akan dibayar semula oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

8. PERUNTUKAN PENGAGIHAN

	2018 RM	2017 RM
Peruntukan pengagihan	<u>1,144,588,989</u>	<u>1,036,843,884</u>

Peruntukan tersebut merupakan pengagihan yang disyorkan pada tahun berakhir 31 Mac 2018 sebanyak 6.25 sen (2017: 6.00sen) seunit yang akan diagihkan kepada pemegang-pemegang unit. Pengagihan ini dikira berdasarkan jumlah unit minima bulanan yang dipegang oleh pemegang-pemegang unit dalam tempoh dua belas bulan sebelum tarikh tahun kewangan berakhir.

Sumber Pengagihan

Pengagihan kepada pemegang-pemegang unit adalah daripada sumber-sumber berikut:

Sumber Pengagihan (samb.)

	2018 RM	2017 RM
Pendapatan faedah	218,882,534	178,824,412
Pendapatan dividen	534,642,212	453,157,537
Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan	<u>706,694,342</u>	<u>617,153,479</u>
	1,460,219,088	1,249,135,428
Tolak: Perbelanjaan	<u>(315,630,099)</u>	<u>(212,291,544)</u>
Jumlah pengagihan	<u>1,144,588,989</u>	<u>1,036,843,884</u>
 Pengagihan kasar dan bersih seunit	 <u>6.25 sen</u>	 <u>6.00 sen</u>

9. UNIT DALAM EDARAN

	2018		2017	
	Units	RM	Units	RM
Unit RM1 setiap satu dibayar penuh:				
Pada awal tahun	17,320,815,000	17,320,815,000	16,297,700,000	16,297,700,000
Penjadian unit untuk :				
Pelaburan semula				
pengagihan	1,036,400,000	1,036,400,000	1,022,600,000	1,022,600,000
Jualan	378,000	378,000	515,000	515,000
Pada akhir tahun	18,357,593,000	18,357,593,000	17,320,815,000	17,320,815,000

Sepanjang tahun berakhir 31 Mac 2018, Pengurus tidak memegang sebarang unit di dalam Unit Amanah. Pada 31 Mac 2018, PNB secara sah memegang 1,076 unit (31 Mac 2017: 1 unit), kurang daripada 0.01% (31 Mac 2017: kurang daripada 0.01%) daripada jumlah unit yang telah diterbitkan.

10. URUSNIAGA DENGAN PNB

	2018	2017
	RM	RM
Pembelian pelaburan	17,250,000	324,845,000
Penjualan pelaburan	-	105,619,606

Urusniaga di atas telah dilaksanakan pada harga yang telah dipersetujui.

11. URUS NIAGA DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT BROKER SAHAM/ BROKER/DEALER/INSTITUSI KEWANGAN

Sepuluh syarikat broker saham/broker/dealer terbesar mengikut nilai urus niaga ialah seperti berikut:

Syarikat Broker	Nilai Urus Niaga RM'000	%	Yuran Broker RM'000	%
Maybank Investment Bank Berhad *	3,838,052	27.26	2,022	18.30
CIMB Investment Bank Berhad *	1,228,436	8.73	1,129	10.22
Affin Hwang Investment Bank Berhad	1,123,962	7.98	564	5.10
MIDF Amanah Investment Bank Berhad *	905,732	6.43	560	5.07
Alliance Investment Bank Berhad	616,028	4.38	498	4.51
Kenanga Investment Bank Berhad	583,597	4.15	469	4.24
CSLA Securities Malaysia Sdn. Bhd.	532,306	3.78	547	4.95
Nomura Securities Malaysia Sdn. Bhd.	518,543	3.68	624	5.65
Macquarie Capital Securities Malaysia Sdn. Bhd.	508,585	3.61	738	6.68
Credit Suisse Securities (Malaysia) Sdn. Berhad	464,727	3.30	530	4.80
Lain-lain	3,758,758	26.70	3,369	30.49
	<u>14,078,726</u>	<u>100.00</u>	<u>11,050</u>	<u>100.00</u>

ASNB dan PNB tidak mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat-syarikat broker saham tersebut.

11. URUS NIAGA DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT BROKER SAHAM/ BROKER/DEALER/INSTITUSI KEWANGAN (SAMB.)

- * PNB dan/atau tabung unit amanah di bawah pengurusan ASNB mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat induk terakhir bagi syarikat-syarikat broker berkenaan.

Segala urusan dengan syarikat-syarikat broker saham telah dilaksanakan menurut perjalanan biasa berdasarkan syarat-syarat di dalam industri broker saham.

12. PUSING GANTI PORTFOLIO

	2018	2017
Pusing Ganti Portfolio ("PGP")	0.38 kali	0.37 kali

PGP dikira berdasarkan kepada nisbah purata di antara jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan untuk tahun kewangan, dengan purata nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian.

Purata nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan telah dikira pada kos kerana harga belian dan jualan telah ditetapkan pada RM1.00 seunit. Oleh kerana purata nilai Unit Amanah dikira berasaskan kos, perbandingan PGP Unit Amanah dengan unit amanah lain yang menggunakan asas yang berlainan tidak akan memberi perbandingan yang tepat.

13. NISBAH PERBELANJAAN PENGURUSAN

	2018	2017
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan ("NPP")	1.13%	1.17%

NPP dikira berdasarkan nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan Unit Amanah yang dikembalikan dengan purata nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian.

Purata nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan telah dikira pada kos kerana harga belian dan harga jualan telah ditetapkan pada RM1.00 seunit. Oleh kerana purata nilai Unit Amanah dikira berasaskan kos, perbandingan NPP Unit Amanah dengan unit amanah lain yang menggunakan asas yang berlainan tidak akan memberi perbandingan yang tepat.

14. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Pendedahan kepada risiko ekuiti/pelaburan, risiko pasaran, kecairan/pembiayaan dana, kadar faedah dan kredit, timbul dalam perjalanan biasa urusan Unit Amanah. Unit Amanah mempunyai garis panduan dan polisi pelaburan yang diluluskan berserta kawalan dalaman yang menentukan strategi perniagaan keseluruhan bagi mengurus risiko-risiko ini bagi memaksimumkan pulangan dan mengekalkan modal pemegang unit, selari dengan objektif jangka panjang Unit Amanah.

Risiko Ekuiti/Pelaburan

Risiko ekuiti adalah pendedahan kepada perubahan nilai saham ekuiti atau aliran pendapatan yang datanginya daripada pemilikan ekuiti di dalam sebuah entiti yang diperbadankan.

Risiko pelaburan adalah risiko daripada pelaburan yang tidak dapat menyediakan kadar pulangan yang setara dengan tahap risikonya.

Pengurusan risiko ekuiti/pelaburan termasuk penelitian di dalam penapisan cadangan pelaburan menurut garis panduan dan prosedur pelaburan, komunikasi yang berterusan dan pengawasan prestasi syarikat-syarikat yang dilabur.

Risiko Pasaran

Pendedahan kepada risiko pasaran terhasil dari perjalanan biasa perniagaan Unit Amanah akibat ketidakpastian dalam harga pasaran instrumen kewangan yang dilaburkan.

Unit Amanah menguruskan risiko pasaran secara aktif melalui garis panduan dan polisi pelaburan yang disediakan dan juga strategi pengagihan portfolio aset dan pelbagaian. Unit Amanah tidak mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti-aktiviti spekulatif.

Risiko Kecairan/Pembiayaan Dana

Risiko kecairan atau pembiayaan dana adalah risiko apabila Unit Amanah tidak mampu untuk memenuhi komitmen kewangan apabila ia perlu dijelaskan.

Unit Amanah menguruskan aliran tunai operasi bagi memastikan kesemua keperluan dananya dipenuhi sebagai sebahagian daripada kaedah pengurusan dananya, Unit Amanah mengekalkan tahap tunai dan pelaburan yang boleh ditukar kepada tunai yang mencukupi bagi memenuhi keperluan modal kerjanya.

14. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

Risiko Kadar Faedah

Risiko kadar faedah adalah risiko nilai instrumen kewangan Unit Amanah yang sensitif terhadap kadar faedah yang berubah-ubah disebabkan oleh perubahan dalam kadar faedah pasaran.

Unit Amanah menguruskan risiko kadar faedah secara aktif dengan mengekalkan portfolio instrumen kewangan berdasarkan garis panduan dan polisi pelaburan, dan semakan yang kerap ke atas kadar faedah dan jangkaan pasaran.

Risiko Kredit

Risiko kredit ialah risiko dimana kegagalan dari pihak yang berurusanniaga untuk menunaikan kewajipan perdagangan yang muncul daripada perantara-perantara seperti broker saham dan institusi-institusi kewangan.

Unit Amanah menguruskan risiko kreditnya dengan penetapan polisi dan garis panduan bagi pelaburan dan had pendedahan pihak lain bagi mengurangkan konsentrasi risiko tersebut. Penilaian kredit dari semasa ke semasa dijalankan ke atas pihak-pihak tersebut.

15. LAPORAN BERSEGMENT

Unit Amanah diuruskan secara satu bahagian iaitu pelaburan di dalam pelbagai instrumen kewangan. Aktiviti-aktiviti Unit Amanah adalah berhubung-kait dan setiap aktiviti adalah berkaitan dengan satu sama lain. Justeru, semua keputusan penting operasi adalah berdasarkan satu strategi pelaburan yang diintegrasikan dan prestasi Unit Amanah dinilai secara keseluruhan.

Kesemua pelaburan Unit Amanah adalah di dalam Malaysia.

16. MATA WANG

Semua jumlah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia ("RM").

VII. ALAMAT CAWANGAN ASNB

PERLIS

Amanah Saham Nasional Berhad

Lot 7, Jalan Indera Kayangan
01000 Kangar, Perlis
Tel: 04- 9778 332, 04-9775 702,
04-9781 110
Faks: 04-9760 800

PULAU PINANG

Amanah Saham Nasional Berhad

No. 12, Jalan Todak 3,
Pusat Bandar Seberang Jaya,
13700 Seberang Jaya, Pulau Pinang
Tel: 04-3994 378, 381
Faks: 04-3994 404

Amanah Saham Nasional Berhad

A-12A-1 & A-12A-2
Lorong Bayan Indah 4, Bay Avenue,
11900, Bayan Lepas,
Pulau Pinang
Tel: 04-640 6522, 04-640 6523
Faks: 04-640 6520

PERAK

Amanah Saham Nasional Berhad

No. 8 & 8A, Persiaran Greentown 1,
Greentown Business Centre,
30450 Ipoh, Perak
Tel: 05-249 6242, 05-249 6245, 05-249 6246
Faks: 05-249 6249

Amanah Saham Nasional Berhad

No. 273 Jalan Intan 12
Bandar Baru Teluk Intan
36000 Teluk Intan, Perak
Tel: 05-621 5153/5158/5163
Faks: 05-621 5150

KEDAH**Amanah Saham Nasional Berhad**

No. 27, Kompleks Shahab Perdana
 Jalan Sultanah Sambungan
 05250 Alor Setar, Kedah
 Tel: 04-731 0770/1012, 04-733 4603
 Faks: 04-731 4140

WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**Amanah Saham Nasional Berhad**

Kaunter Utama ASNB
 Tingkat 1, Balai PNB
 201-A, Jalan Tun Razak
 50400 Kuala Lumpur
 Tel: 03-2050 5500
 Faks: 03-2161 8852

WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**Amanah Saham Nasional Berhad**

Lot 27, Kompleks Perbadanan Putrajaya
 Presint 3, Persiaran Perdana
 62675 Putrajaya, Selangor
 Tel : 03-8890 4880/4881
 Faks : 03-8890 4890

SELANGOR**Amanah Saham Nasional Berhad**

Lot 18-1 & 18-2,
 Pusat Dagangan UMNO Shah Alam
 Persiaran Damai Seksyen 11
 40000 Shah Alam, Selangor
 Tel: 03-5512 1366/3199
 Faks: 03-5513 7155

Amanah Saham Nasional Berhad

No.7 Jalan Medan Niaga 2
 Medan Niaga Kuala Selangor
 45000 Kuala Selangor
 Selangor
 Tel: 03-3289 4121/3121
 Faks: 03-3281 3221

MELAKA**Amanah Saham Nasional Berhad**

No. 11 & 13, Kompleks Perniagaan Al Azim
 Jalan KPAA 1, Bukit Baru
 75150 Melaka
 Tel: 06-282 7361, 06-281 9648
 Faks: 06-283 9940

JOHOR**Amanah Saham Nasional Berhad**

No.12, Jalan Maju, Taman Maju
 83000 Batu Pahat, Johor
 Tel: 07-433 1701/1700/1709
 Faks: 07-433 1712

Amanah Saham Nasional Berhad

Lot No 12 & 14, Jalan Padi Emas 1/2
 Uda Business Centre
 81200 Johor Bahru, Johor
 Tel: 07-234 6761/6762/6763
 Faks: 07-237 0077

NEGERI SEMBILAN**Amanah Saham Nasional Berhad**

No. 120 & 121,
 Jalan Dato' Bandar Tunggal,
 70000 Seremban, Negeri Sembilan,
 Tel: 06-763 8451/8443
 Faks: 06-763 3384

TERENGGANU**Amanah Saham Nasional Berhad**

No 15, Jalan Batas Baru
 20300 Kuala Terengganu, Terengganu
 Tel: 09-630 1500/1502/1503
 Faks: 09-630 1506

KELANTAN**Amanah Saham Nasional Berhad**

Lot 1182 & 1183, Jalan Kebun Sultan
 15350 Kota Bharu, Kelantan
 Tel: 09-741 9909/9901/9902
 Faks: 09-744 6663

Amanah Saham Nasional Berhad

No. 52, 52A & 52B,
 Jalan Pasir Puteh Sentral 2/5,
 16800 Pasir Puteh,
 Kelantan Darul Naim.
 Tel: 09-785 5750/5751
 Faks: 09-785 5757

PAHANG**Amanah Saham Nasional Berhad**

No. 71 & 73, Tingkat Bawah
 Jalan Tun Ismail
 25000 Kuantan, Pahang
 Tel: 09-517 8340/8341
 Faks: 09-513 6694

Amanah Saham Nasional Berhad

No.8, Jalan Ahmad Shah
 Bandar Seri Semantan
 28000 Temerloh, Pahang
 Tel: 09-290 1460/1461/1462
 Faks: 09-290 1466

SABAH**Amanah Saham Nasional Berhad**

Lot 55, Tingkat Bawah & 1,
 Blok G Asia City Phase 1B
 88000 Kota Kinabalu, Sabah
 Tel: 088-241 011/257 725
 Faks: 088-218 814

Amanah Saham Nasional Berhad

TB 4287 & TB 4280
 Tingkat Bawah & Satu,
 Town Ext II Jalan Masjid,
 Kompleks Fajar Tawau
 91000 Tawau, Sabah
 Tel: 089-779 389/390/391
 Faks: 089-776 600

Amanah Saham Nasional Berhad

Tingkat Bawah,
 Lot 1, Circular Blok A Harbour Town,
 Jalan Pantai,
 91100 Lahad Datu, Sabah
 Tel: 089-863 680/681/672
 Faks: 089-863 675

Amanah Saham Nasional Berhad

Lot 8 & 9, Blok B,
 Pusat Komersil Datun, Jalan Masak,
 89008 Keningau, Sabah
 Tel: 087-336 629/618/621
 Faks: 087-336 619

Amanah Saham Nasional Berhad

Lot 15, Tingkat Bawah,
 Bandar Pasaraya, Fasa 1,
 90000 Sandakan, Sabah
 Tel: 089-210 486, 089-223 516
 Faks: 089-210 597

SARAWAK**Amanah Saham Nasional Berhad**

Tingkat Bawah,
 Lot 499, Al-Idrus Commercial Centre,
 Seksyen 6, Jalan Kulas,
 93400 Kuching, Sarawak
 Tel: 082-250 389, 082-410 210
 Faks: 082-250 313

Amanah Saham Nasional Berhad

Lot 886 & 887, Blok 9
 MCLD Miri Waterfront
 Commercial Centre
 98000 Miri, Sarawak
 Tel: 085-419 984, 085-423 746
 Faks: 085-423 384

Amanah Saham Nasional Berhad

Sublot 2 & 3, Lot 4496,
 Junction 28, Jalan Keppel,
 97000 Bintulu, Sarawak
 Tel: 086-344 514/086-344 541
 Faks: 086-344 540

Amanah Saham Nasional Berhad

Lot 1457 & 1458
Sg. Kudong Shophouse
Ground Floor, Jalan Buangsiol
98700 Limbang, Sarawak
Tel: 085-210 570/571/572
Faks: 085-210 577

Amanah Saham Nasional Berhad

No. 4C, Tingkat Bawah,
Lot 832 Jalan Sabu,
95000 Sri Aman, Sarawak
Tel: 083-321 742
Faks: 083-323 233

Amanah Saham Nasional Berhad

Lot 1007 & 1008
Jalan Kampung Nyabor
96000 Sibul, Sarawak
Tel: 084-314 967
Faks: 084-322 497

